



Kemahiran menaip bantu profesional

MINGGU ini saya tertarik untuk membawa perbincangan kepada perkara yang boleh dikatakan terabai daripada perhatian ramai. Ideanya terdetik sudah agak lama, sehinggalah saya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom (UK) dan membuat pemerhatian sendiri terhadap isu ini.

Suatu petang di perpustakaan, seorang pelajar berbangsa Inggeris di sebelah saya sedang asyik menaip. Yang menariknya, dia menaip secepat seseorang setiausaha di Malaysia. Ini bagi saya fenomena yang amat jarang dapat dilihat di negara kita.

Hal ini membuatkan saya bandingkan daya kemahiran ini dengan daya pelajar universiti atau graduan kita. Kebanyakan kita menaip dengan dua jari, bagaikan burung mematak dengan paruhnya.

Lajunya pelajar British itu menaip sehingga mencapai 80 atau 90 perkataan seminit. Kelajuan 80 perkataan seminit adalah kebolehan minimum untuk menjawat jawatan sebagai setiausaha di Malaysia dan kebanyakan syarikat di United Kingdom.

Perkataan 'seminit' adalah ukuran bagi kelajuan *input* atau *output*. Ukuran ini membolehkan piawai tertentu dibuat bagi bahasa yang berbeza di dunia. Misalnya, perkataan *zebra* dikira sebagai satu perkataan, tetapi *rhinoceros* sebagai dua perkataan.

Hal ini bukan pengalaman pertama saya di UK. Sebelum ini, kebanyakan pelajar warga Britain saya lihat amat cepat dan cekap menaip dengan 10 jari. Mungkin juga kerana sistem pendidikan peringkat rendahnya di sini mendedahkan pelajar dengan kemahiran menaip seawal tahun tiga atau ketika berusia lapan tahun sebagai mata pelajaran pilihan.

Sistem yang digunakan dipanggil *touch typing* yang membolehkan semua 10 jari diperuntukkan dengan huruf tertentu untuk menaip. Dengan ini, kita boleh menaip tanpa perlu melihat kepada mesin taip. Dengan penciptaan komputer ramai yang beranggapan sistem ini tidak lagi penting untuk dipelajari.

Hakikatnya, sistem ini sebenarnya masih boleh diaplikasikan kepada penggunaan komputer. Amat rugilah kita jika tidak mempelajari sistem ini dengan tanggapan ilmu menaip adalah ilmu ketinggalan zaman atau ilmu yang perlu di kalangan setiausaha saja.

Mempelajari sistem *touch typing* ini bukanlah idea ketinggalan zaman. Hujahnya, bukan belajar menaip dengan mesin taip yang ingin saya utarakan di sini, tetapi mempelajari ilmu *touch typing* yang membolehkan kita memanipulasi papan kekunci komputer dengan kesemua 10 jari.

Jika suatu waktu dulu UiTM (ketika itu ITM) mewajibkan pelajar kewartawanan mengambil kursus menaip pada peringkat pradiploma (selain kelas intensif bahasa Inggeris) hari ini tidak lagi. Namun, itu tidak sama sekali bermakna kemahiran ini tidak diperlukan lagi oleh wartawan moden sekarang.

Mungkin hal ini berlaku kerana persepsi yang kurang tepat di minda kita. Golongan setiausaha perlu cepat dan cekap, kerana tugasnya memang menaip. persoalannya, adakah golongan ini saja yang perlu cekap dan cepat dalam menghasilkan dokumen?

Bagaimana pula dengan golongan pentadbir, mahupun golongan profesional lain yang terdedah dengan tuntutan menghasilkan pelbagai bentuk dokumen yang perlu ditulis? Sudahlah perlu menyelesaikan pelbagai tugas hakiki, ada juga kerja pentadbiran perlu disiapkan.

Semuanya memerlukan ia ditulis, tidak mungkin menghantar kertas kerja dengan tu-

lisan tangan. Saya secara peribadinya merasakan kebolehan menaip dengan hanya 60 perkataan seminit ini sudah cukup membantu mempercepat dan meningkatkan kualiti setiap hasil kerja. (Ujian dibuat secara *online* di <http://typeonline.co.uk/typingspeed.php>).

Bayangkan betapa efisiennya hasil kerja kita, golongan profesional seluruhnya jika kebolehan menaip sehingga 80 perkataan seminit? Kajian menunjukkan, kebolehan menulis di kalangan manusia adalah antara 31 perkataan seminit untuk teks yang ditulis berdasarkan memori dan 22 perkataan seminit untuk teks yang disalin semula.

Dengan kemahiran *touch system* tadi, kebolehan menulis dokumen meningkat sehingga 100 perkataan seminit atau lebih. Jelas, kebolehan ini mempercepat penghasilan sesuatu dokumen berbanding ditulis tangan.

Berdasarkan rekod *Guinness Book World of Record*, manusia yang boleh menaip terpanjang ialah Barbara Blackburn dari Oregon Amerika Syarikat dengan kelajuan 150 perkataan dalam tempoh 50 saat. Dalam satu temu bual yang direkodkan, Barbara mengakui kemahiran menaip banyak membantu menjadi pelajar cemerlang ketika menuntut di pengajian tinggi.

Mengimbas sejarah sepintas lalu, penciptaan mesin taip yang terawal dicipta oleh Giuseppe Ravizza pada 1855. Ini diikuti dengan pembangunan penciptaan selanjutnya oleh Reverend Malling Hansen dari Denmark yang membolehkan mesin taip dipaten dan dikomersialkan untuk kegunaan ramai di Eropah pada 1870 dan London pada 1909.

Namun, ada catatan merekodkan bahawa sejarah menaip dicipta oleh seorang warga Britain, Henry Mill yang memperoleh paten ciptaannya daripada Kerajaan Britain pada 1741. Di sinilah mesin taip dikatakan 'lahir'.

Ada juga catatan menunjukkan bahawa seorang jurutera mekanikal dari Amerika syarikat bernama Sholes, pencipta mesin taip moden yang dipatenkan pada 1868. Mesin taip pertama dipanggil 'Sholes & Glidden Type Writer' yang dipasarkan oleh E Remington & Sons di New York dari 1874 hingga 1878.

Walaupun pelbagai kisah sejarah direkodkan mengenai penciptaan mesin taip, penggunaannya berkembang dan ia dipelajari di serata dunia termasuk di Malaysia.

Malangnya, hari ini di Malaysia boleh dikatakan tiada lagi wujud kelas menaip sebagaimana pada masa lalu. Jika ada pun, tiada pelajar yang ingin mempelajarinya kerana minda yang terkurung dengan persepsi 'mengapa perlu belajar menaip sedangkan kini sudah ada komputer?'

Persoalannya, jika kita boleh mengendalikan operasi komputer, tetapi tidak berdaya memanipulasi *keyboardnya*, dapatkah kita mengoptimalkan sepenuhnya penggunaan dan hasil komputer itu sendiri?

Sama ada guru bahasa, pensusarah matematik mahupun doktor atau jurutera setiap bentuk tugas yang berbeza diberikan tempoh untuk disiapkan, dengan jangkaan tertentu. Pastinya dokumen yang lambat dan terlanjur banyak kesilapan ejaan memberi kesan kepada prestasi pekerja itu.

Mungkin keperluan kembali kepada ilmu asas menaip iaitu 'touch typing' perlu dipertimbangkan untuk meningkatkan kecekapan profesional kita.

Perulis ialah penyarah Universiti Sains Islam, Malaysia (USIM), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom.